

# Nelayan hilang punca pendapatan


*Seramai empat nelayan terjejas ekoran bot mereka rosak dipukul ribut*

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

**E**mpat nelayan hilang punca pendapatan selepas bot gentian kaca milik mereka rosak akibat ribut yang melanda pesisiran pantai di Kampung Baru Kelulut, di sini, pada awal pagi.

Pegawai Khas Adun Rhu



Salah sebuah bot mangsa yang rosak akibat ribut.

Rendang, Wahab Osman berkata, kejadian itu hanya disedari nelayan terbabit kira-kira jam 6.45 pagi, ketika mereka mahu meneruskan rutin turun ke laut menangkap ikan.

"Saya terus meninjau ke lokasi sejurus dimaklumkan mengenai kejadian itu. Setakat ini, kita menunggu laporan lebih lengkap daripada mangsa termasuk dari persatuan nelayan kawasan

dan perikanan.

"Saya difahamkan mereka juga sudah membuat laporan polis untuk memudahkan permohonan bantuan dibuat.

"Kita akan berusaha



**Kita menunggu laporan lengkap dari mangsa termasuk dari persatuan nelayan kawasan dan perikanan."** - Wahab

untuk membantu supaya dapat meringankan beban mereka," katanya, semalam.

Wahab berkata, kejadian ribut tu menyebabkan empat nelayan terbabit mengalami kerugian kira-kira RM17,000 berikutan bahagian 'badan' bot gentian kaca milik mereka terjejas dan perlu segera dibaiki.

Menurutnya, mangsa juga terkejut apabila mendapati bot masing-masing

turut tenggelam jauh dari lokasi asal dan kini tidak dapat meneruskan rutin seperti biasa sehingga bot mereka dibaik pulih semula.

"Kerosakan dua buah bot gentian kaca masing-masing berjumlah RM6,000.

"Manakala sebuah lagi RM3,000 dan yang terakhir RM2,000 menjadikan keseluruhan kerugian ditanggung berjumlah RM17,000," katanya.